



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Rebut peluang promosi jualan, sertai acara Brunei *Sale*bration (BSb) 2023
yang akan bermula pada 4 Disember 2023**

Tarikh: 02 November 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan mengadakan acara jualan murah kebangsaan Brunei *Sale*bration (BSb) 2023 bermula pada 4 Disember 2023 hingga 15 Februari 2024 iaitu selama 74 hari sebagai usaha bagi membantu merangsang aktiviti perekonomian dalam negara khususnya melalui promosi produk tempatan dan aktiviti-aktiviti pelancongan dalam negara.
2. JPES mengalu-alukan penyertaan para peniaga dari pelbagai sektor untuk merebut peluang menawarkan diskaun yang menarik dan harga yang kompetitif bagi barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai melalui penyertaan di dalam acara BSb 2023.
3. Senarai peserta BSb 2023 akan dikongsikan di dalam aplikasi mudah alih PenggunaBijak bagi tujuan publisiti serta bagi memudahkan para pengguna untuk mengetahui peserta BSb 2023 dan berkunjung ke premis-premis berkenaan.

4. Para peniaga yang menyertai BSb 2023 perlu menjalankan perniagaan secara beretika dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Acara Harga Jualan Murah, Perintah Paparan Tanda Harga dan Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011. Ini termasuk mempamerkan tanda harga dan diskaun dengan jelas bagi memastikan ketelusan harga serta membolehkan para pengguna membuat pilihan pembelian yang bermaklumat. Dalam pada itu, Notis Jualan BSb 2023 yang dikeluarkan oleh JPES hendaklah dipamerkan di setiap premis perniagaan masing-masing.
5. Acara BSb tahun lalu telah menarik lebih daripada 400 buah premis perniagaan dari pelbagai sektor termasuk gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai perabot, kedai-kedai butik dan kasut, salon-salon kecantikan dan kesihatan, kedai-kedai buku dan sukan, kedai-kedai barangan kemas dan seumpamanya.
6. Para peniaga yang berhasrat untuk menyertai acara BSb 2023 boleh menghadapkan Borang Makluman Jualan bermula hari ini sehingga 20 November 2023. Borang Makluman boleh dimuat turun dari aplikasi PenggunaBijak dan laman sesawang JPES. Borang yang lengkap boleh dikembalikan melalui emel sales@jpes.gov.bn atau terus ke kaunter di alamat berikut:

Jabatan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Bilik 3.06, Tingkat 3, West Wing
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan BA1131
Negara Brunei Darussalam
7. Sebarang pertanyaan mengenai BSb 2023 boleh disalurkan kepada JPES melalui aplikasi PenggunaBijak dan e-mel (sales@jpes.gov.bn).